

TARIKH : 8 JUN 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 35

## Kerajaan mula proses ganti subsidi pukal

# Kerajaan mula proses ganti subsidi pukal

**Pendekatan lebih bersasar dirancang elak beban kewangan meningkat**

Oleh Shahrizan Saliان  
shahrizan\_salian@bh.com.my

Kerajaan telah memulakan proses untuk menggantikan subsidi pukal petrol dan minyak masak dengan pendekatan lebih bersasar, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Katanya, langkah itu diambil berikutan perbelanjaan kerajaan meningkat sehingga menyebabkan kos sara hidup lebih tinggi.

Mustapa berkata, masih belum ada keputusan muktamad mengenai pelaksanaan subsidi bersasar.

"Mereka yang berhak untuk menerima subsidi akan terus menerima subsidi. Pembaharuan akan dibuat ke atas gas dan minyak masak. Begitu juga dengan petrol dan diesel. Itu adalah empat subsidi utama.

"Jumlah terbesar adalah petrol khususnya RON95 yang merangkumi sebahagian besar subsidi, jadi akan ada struktur subsidi berbeza.


"Sasarannya adalah memastikan mereka yang memerlukan subsidi akan mendapat subsidi. Lebih cepat ia dilaksanakan, pasti akan meredakan tekanan terhadap bajet kerajaan," katanya pada temu bual bersama *Bloomberg TV*, semalam.

Kerajaan sebelum ini dilaporkan sedang mengkaji mekanisme subsidi lebih bersasar bagi memastikan sumber kewangan negara tidak dibebankan jumlah subsidi yang memanfaatkan golongan kaya.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz memberi jaminan kerajaan akan terus mengawal kenaikan harga demi membantu rakyat dan menyokong momentum pemulihan ekonomi.

Menjelaskan menerusi Laporan Kewangan Rakyat ke-95, sebahagian besar subsidi petrol berjumlah RM4 bilion setakat bulan Mac 2022 sebenarnya dinikmati golongan berada yang mempunyai lebih banyak kenderaan.

Hakikatnya, bagi setiap RM1 subsidi bahan api, 53 sen disalurkan kepada golongan T20, mana-



kala hanya 15 sen dimanfaatkan B40.

Semasa Bajet 2022 dirangka, kerajaan tidak menjangka kenaikan mendadak harga komoditi dan makanan ekoran konflik Russia-Ukraine.

Namun, untuk terus membantu rakyat, kerajaan masih mengekalkan harga RON95 pada paras RM2.05 sen seliter wala-

upun kos sebenarnya melebihi RM4 seliter.

Tengku Zafrul ketika berucap pada Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland, baru-baru ini berkata, Malaysia dijangka perlu menampung jumlah subsidi lebih tinggi bagi 2022 yang mencecah RM71 bilion dengan subsidi bahan api sahaja berju-

mlah RM30 bilion berikutan kenaikan harga minyak mentah.

Kenaikan harga barangan adalah sejajar dengan pemilihan ekonomi Malaysia.

Sementara itu, Mustapa berkata, kerajaan yakin akan mencapai pertumbuhan antara 5.3 hingga 6.3 peratus pada tahun ini seperti ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), berdasarkan prestasi mantap suku pertama iaitu pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus.

"Dua bulan pertama suku kedua, terutama pada April dan Mei kelihatan memberangsangkan. Justeru, Malaysia akan mencatatkan prestasi baik pada separuh pertama (2022) dan bagi keseluruhan tahun juga.

"Kami kekal optimis bahawa (pertumbuhan) antara 5.3 hingga 6.3 peratus boleh dicapai seperti diunjurkan bank pusat," katanya.

Sasarannya adalah memastikan mereka yang memerlukan subsidi akan mendapat subsidi. Lebih cepat ia dilaksanakan, pasti akan meredakan tekanan terhadap bajet kerajaan

Mustapa Mohamed,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

